

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 JAN 2015

Dr M perlu telus kritik

BH - 14/1/2015

» *Tidak mudah 'politik dinasti' selepas pinda Perlembagaan UMNO*

Oleh **Haspaizi Mohd Zain**
haspaizi@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diminta lebih telus ketika mengkritik dan mendesak ahli UMNO supaya menolak amalan 'politik dinasti' dalam parti itu.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata jika apa yang bekas Presiden UMNO itu maksudkan merujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Ra-

zak, ia adalah tidak berasas.

Mohd Puad berkata, Dr Mahathir tersilap jika mendakwa Najib terbabit dengan amalan politik dinasti kerana Presiden UMNO itu menyertai parti selepas bapanya, Tun Abdul Razak Hussein meninggal dunia.

Wajar menilai

"Saya harap Dr Mahathir lebih telus bila mendesak supaya ahli UMNO menolak amalan atau budaya 'politik dinasti' dalam UMNO dan beliau wajar menilai kepada apa yang berlaku di sekelilingnya sendiri.

"Jika politik dinasti itu dimaksudkan sebagai 'pilih kasih', Dr Mahathir mungkin lupa bahawa beliau sendiri dipilih sebagai Timbalan Presiden melangkaui orang lain sehingga menimbulkan rasa tidak senang hati kepada Naib Presiden yang lebih senior," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sebelum ini, melalui entri

terbaru di laman blognya, Dr Mahathir mengajak ahli UMNO menolak budaya dinasti dalam parti itu dan memilih pemimpin yang betul-betul sesuai dengan perjuangan parti.

Dalam tulisannya itu, Dr Mahathir menjelaskan siapa sahaja yang layak dan cintakan parti boleh dilantik untuk semua jawatan dan kaitan kekeluargaan tidak boleh dijadikan asas kepada pemilihan atau penolakan.

Sementara itu, Mohd Puad berkata, amalan pilih kasih dalam parti itu tidak mudah berlaku kerana UMNO di bawah kepemimpinan Najib sudah meminda Perlembagaan UMNO bagi membolehkan 146,000 perwakilan membuat keputusan dalam memilih pemimpin.

"Saya juga hairan mengapa (Tun) Dr Mahathir tidak berani mengkritik amalan budaya politik dinasti dalam DAP, PKR dan PAS," katanya.



Dr Mahathir mungkin lupa bahawa beliau sendiri dipilih sebagai Timbalan Presiden melangkaui orang lain"

Mohd Puad Zarkashi,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO